e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAMI SEDIA MEMBANTU **EDISI APRIL 2015**

PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG MANGSA BANJIR

LAWATAN KERJA HOSPITAL SEBERANG JAYA

KONVENSYEN PANEL PENASIHAT KLINIK KESIHATAN

PROJEK "JOM MAMA" FASA 3

http://www.moh.gov.my

www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia

http://twiter.com/kkmputrajaya

http://www.youtube.com/kementeriankesihatan

http://instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia

PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG MANGSA BANJIR YBMK

KELANTAN

Tarikh: 18 April 2015
Tempat: Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Mangsa Banjir. Turut hadir, YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan KKM, Dato' Dr. Ahmad Razin Bin Dato' Hj Ahmad Mahir, Pengarah JKN Kelantan, Dato' Dr Ghazali Hasni Bin Md. Hassan, Pengarah HRPZII. Sebanyak RM509,280.00 telah disumbangkan kepada seramai 2,122 anggota kesihatan yang juga mangsa banjir di Kelantan. Kejadian banjir tahun lalu menyebabkan 116 fasiliti kesihatan terjejas termasuklah 57 buah klinik dinaiki air dan 59 buah lagi terputus hubungan. 10 Klinik Kesihatan Daerah juga terjejas teruk dan perlu penggantian. 10 klinik kesihatan yang rosak akan dibina di tapak asal atau tapak lain mengikut kesesuaian. Klinik Desa yang teruk terjejas ialah KD Sokor di Tanah Merah dan KD Karangan, KD Kuala Krai dan KD Pasir Pekan di Tumpat.

PAHANG

Tarikh: 6 April 2015
Tempat: Auditorium Hospital Sultan Hj. Ahmad Shah

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah hadir dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Mangsa Banjir dan Sijil Penghargaan Untuk Sukarelawan KKM yang terlibat dalam Misi Bantuan Bencana Banjir. Turut hadir ialah Dato' Norol Azali Bin Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas Pahang. Sumbangan Bantuan dana berjumlah RM217,000.00 daripada dana sumbangan warga KKM bertujuan meringankan beban seramai 901 warga KKM negeri Pahang yang terjejas dalam banjir besar akhir tahun lalu.

HARI KESIHATAN SEDUNIA

Peringkat Kebangsaan 2015

Tarikh: 7 April 2015

Tempat: AEON, Bandaraya Melaka

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia peringkat kebangsaan. Turut hadir ialah YAB Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka. Tema Hari Kesihatan Sedunia 2015 ialah "Keselamatan Makanan Dari Ladang ke Meja Makan" selaras dengan tema dari World Health Organization (WHO) berkaitan dengan keselamatan dan kebersihan makanan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah memainkan peranan efektif dalam memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantaian adalah terkawal daripada sebarang punca pencemaran makanan. Insiden yang membabitkan keselamatan makanan sehingga meragut nyawa membuatkan kerajaan mengambil langkah serius dalam memastikan makanan yang terdapat di pasaran tempatan dan yang diimport adalah selamat kepada pengguna.

Projek Jom Mama Fasa 3

Tarikh: 4 April 2015

Tempat: Hotel The Royale Bintang Resort & Spa, Seremban

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan telah merasmikan Projek Jom Mama Fasa 3. Projek ini bertujuan untuk memenuhi keperluan kesihatan suami isteri yang baru berkahwin untuk mencapai tahap kesihatan yang lebih baik sebelum hamil. Selain itu, projek ini diharap dapat meningkatkan kefahaman tentang kesihatan, mendorong ke arah amalan gaya hidup yang sihat dan peningkatan aktiviti fizikal.

YBTMK : PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG MANGSA BANJIR

TERENGGANU

Tarikh: 19 April 2015
Tempat: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kemaman

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Mangsa Banjir Warga KKM dan Sijil Penghargaan Untuk Sukarelawan KKM yang terlibat dalam Misi Bantuan Bencana Banjir bagi negeri Terengganu. Pada penghujung tahun 2014, beberapa buah negeri di Malaysia telah dilanda bencana banjir yang teruk. Banyak fasiliti KKM terjejas teruk terutama di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sumbangan yang dihulurkan diharap dapat meringankan beban warga kerja KKM yang terjejas semasa banjir.

KELANTAN

Tarikh: 30 April 2015
Tempat: Kuala Krai

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Mangsa Banjir Warga KKM dan Sijil Penghargaan Untuk Sukarelawan KKM yang terlibat dalam Misi Bantuan Bencana Banjir. Hadir sama ialah Dato' Dr. Ahmad Razin bin Dato' Haji Ahmad Mahir, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan dan YB Dato' Ramzi Ab Rahman, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dabong merangkap Ketua Umno Bahagian Kuala Krai. Sebanyak RM282,960.00 disumbangkan kepada 1,179 anggota KKM yang menjadi mangsa banjir. Klinik Desa (KD) yang musnah dalam banjir besar telah dinaik taraf seperti KD Sokor, KD Kusial Baharu di Tanah Merah dan KD Limau Kasturi serta KD Star di Gua Musang.

KONVENSYEN
PANEL PENASIHAT KLINIK KESIHATAN

Tarikh: 18 April 2015
Tempat: Hotel Perdana, Kota Bharu

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Konvensyen Panel Penasihat Klinik Kesihatan Kebangsaan Kali Ke-7 Tahun 2015. Turut hadir ialah Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha KKM serta para pegawai kanan dari Kementerian, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan dan Panel Penasihat Klinik Kesihatan dari seluruh negara. "Mengekalkan Prestasi Cemerlang" adalah tema yang dipilih bertujuan meningkatkan semangat ahli panel penasihat dalam memberi sumbangan secara efektif. Selain itu, YBMK turut melancarkan Garis Panduan Manual Pelaksanaan Indikator Untuk Panel Penasihat Klinik Kesihatan.

MAJLIS
IKRAR TAAT SETIA POLIS BANTUAN (IPKKM)

Tarikh: 22 April 2015
Tempat: Dataran Bendera, KKM

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali telah merasmikan Majlis Ikrar Taat Setia Polis Bantuan Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM). Semua anggota Polis Bantuan IPKKM melafazkan ikrar taat setia sebagai komitmen untuk mencegah kejadian jenayah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Majlis turut diserikan dengan kehadiran En. Saiful Anuar bin Lebai Hussen, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM, Kapt. Rusli bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi) JPM. Antara kejayaan dan penghargaan yang dikecapi oleh Polis Bantuan di KKM adalah penerimaan Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan pada 28 Februari 2015 serta berjaya menurunkan kadar jenayah yang berlaku di IPKKM. Di samping itu, Polis Bantuan juga telah menjadikan kawasan-kawasan seliaan KKM sebagai kawasan aman dan bebas daripada ancaman keselamatan.

LAWATAN KERJA YBMK

HOSPITAL BANTING

Tarikh: 8 April 2015
Tempat: Hospital Banting

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah melakukan lawatan rasmi ke Hospital Banting. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, KSU dan Dr. Rozita Binti Mohamed, Pengarah Hospital Banting serta pegawai-pegawai perubatan dari Hospital Banting. YBMK mengadakan sesi dialog bersama pakar hospital berkaitan isu dan cadangan penambahbaikan perkhidmatan Hospital Banting. Kementerian Kesihatan juga bercadang untuk menggabungkan perkhidmatan pakar 3 buah hospital di Selangor (Hospital Klang, Banting dan Shah Alam) untuk memberikan perkhidmatan yang optimum kepada masyarakat dan berkongsi sumber pelbagai bidang kepakaran seperti penyakit berkaitan buah pinggang.

HOSPITAL REHABILITASI

Tarikh: 9 April 2015
Tempat: Hospital Rehabilitasi, Cheras

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah melakukan lawatan kerja ke Hospital Rehabilitasi di Cheras, Kuala Lumpur. Turut hadir ialah Datuk Dr. Jeyaindran Sinnadurai, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan Dr. Roslan Johari Bin Dato' Mohd. Ghazali, Pengarah Hospital Rehabilitasi Cheras. Hospital Rehabilitasi mempunyai 60 jurupulih yang memberi rawatan kepada 70 pesakit dalam satu-satu masa. KKM merancang menambah sekurang-kurangnya 30 jurupulih perubatan dalam pelbagai kepakaran di Hospital Rehabilitasi Cheras. Pelbagai jenis perkhidmatan termasuk perkhidmatan rehabilitasi pediatrik, neurologi dan kecederaan spinal. Selain itu, hospital ini mempunyai perkhidmatan tradisional dan komplementari seperti akupuntur dan urutan tradisional melayu bagi memulihkan pesakit.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Tarikh: 2 April 2015
Tempat: Dewan Bakawali Mes Pegawai Kanan Polis, Kangar

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha telah merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) & Jasamu Dikenang Tahun 2014 yang diadakan di Jabatan Kesihatan Negeri Perlis. Hadir bersama ialah Dr. Zaini bin Husin, Pengarah Kesihatan Negeri Perlis dan YBhg. Dato' Dr. Ahmad Nordin bin Mohd Jais, Pengarah Hospital Tuanku Fauziah. Tema yang dipilih dalam majlis ini ialah 'Seiring Memacu Transformasi'. Seramai 270 orang penerima anugerah APC warga JKN Perlis 2014 diraikan atas prestasi dan komitmen kerja yang cemerlang dalam perkhidmatan kepada rakyat dan negara. Penghargaan turut diberikan kepada 50 orang pesara dan seorang pegawai yang meninggal semasa dalam perkhidmatan di JKN Perlis.

PENEMPATAN SEMULA KAUM PENAN DI BATU BUNGAN

Tarikh: 28 April 2015
Tempat: Baram, Sarawak

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah membuat lawatan ke Klinik Kesihatan Taman Negara Mulu . Klinik ini mula beroperasi pada 1992 dan telah menerima seramai 1024 orang pesakit yang terdiri daripada berbilang kaum termasuk pelancong. Klinik ini mempunyai seorang Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat Staf, 2 orang Jururawat Masyarakat dan 2 orang Atendan Kesihatan. Perkhidmatan yang disediakan termasuk rawatan pesakit luar, kesihatan ibu & anak, perancangan keluarga, pemeriksaan kesihatan & promosi kesihatan, lawatan kesihatan sekolah dan banyak lagi.

LAWATAN KERJA YBTMK

Tarikh: 24 April 2015
Tempat: Hospital Seberang Jaya

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Seberang Jaya Pulau Pinang. Turut serta dalam lawatan itu ialah Dr. Azlina Bt Muhamad Radzi, Pengarah Hospital Seberang Jaya. Kementerian Kesihatan memperuntukkan RM400 juta untuk menaik taraf Hospital Seberang Jaya termasuk membina sebuah bangunan tambahan 9 tingkat yang dilengkapi dengan 316 buah katil dan Pusat Jantung Kanak-kanak yang akan menjadi pusat rujukan kepada hospital lain. Hospital Seberang Jaya yang berusia 20 tahun kini mengalami kekurangan katil bagi menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat kepada 30 pesakit setiap wad.

ACADEMY OF FAMILY PHYSICIANS OF MALAYSIA (AFPM)'s ANNUAL CONVOCATION CEREMONY

Tarikh: 25 April 2015
Tempat: Hotel Double Tree by Hilton, KLCC Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah menerima anugerah Felo Kehormat Akademi Pakar Perubatan Keluarga Malaysia sempana Majlis Konvokesyen Tahunan Akademi Pakar Perubatan Keluarga Malaysia (AFPM). Hadir bersama ialah YBhg. Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan dan Prof Datuk D.M. Thuraiappah, Presiden Akademi Pakar Perubatan Keluarga Malaysia (AFPM). KPK mewakili KKM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Akademi Pakar Perubatan Keluarga Malaysia (AFPM). MoU ini bertujuan untuk meningkatkan jumlah bilangan pakar perubatan keluarga melalui latihan dan peperiksaan dengan kerjasama antara AFPM dan KKM.

NAIKTARAF HSJ

Tarikh: 28 April 2015
Tempat: Hospital Seberang Jaya

Majlis Pelancaran Projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir YB Datuk Seri Dr. S.Subramaniam, Menteri Kesihatan dan YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan untuk melihat fasiliti yang akan dinaiktaraf demi memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada penduduk sekitar Seberang Jaya. Projek menaik taraf itu meliputi pembinaan bangunan baharu 9 tingkat dengan kos RM400 juta. Projek menaik taraf jabatan kesihatan, dewan bersalin, pejabat pengurusan dan stor perubatan yang menelan kos RM22 juta dijangka siap pada tahun 2018. Di samping pembangunan kemudahan infrastruktur kesihatan, usaha juga dibuat untuk meningkatkan kemahiran dan kemampuan anggota kesihatan bagi memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan.

LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN (KEBAKARAN)

Tarikh: 15 April 2015
Tempat: Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM), Putrajaya

Latihan Pengungsian Bangunan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat KKM yang turut disertai oleh YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha (KSU). Turut disertai oleh YBrs. En. Siful Anuar Bin Lebai Hussen TKSU (Pengurusan) selaku Ketua Penyelaras Pengurusan Bencana, En. Ismail Hj Md Sohot, Pegawai Keselamatan Kerajaan dan semua Ketua-Ketua Tingkat (Floor Manager). Latihan bermula pada jam 9.30 pagi sehingga 10.30 pagi melibatkan pengurusan tertinggi dan semua warga kerja KKM yang bertugas di Blok E7. Latihan diadakan bertujuan menguji kesiapsiagaan warga KKM dan anggota keselamatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Hospital Putrajaya. Latihan berjalan lancar dengan kerjasama dan komitmen daripada semua warga kerja yang terlibat.

KONVENSYEN

PANEL PENASIHAT KLINIK KESIHATAN

Tarikh: 20 April 2015
Tempat: Hotel Perdana, Kota Bharu

Y.Bhg Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha KKM telah merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen Panel Penasihat Klinik Kesihatan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-7 Tahun 2015. Turut hadir To' Puan Dr Safurah bt Hj Jaafar, Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Dato' Dr. Ahmad Razin Bin Dato' Hj Ahmad Mahir, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan dan ahli Panel Penasihat Klinik Kesihatan dari seluruh negara. Konvensyen kali ini merupakan landasan kepada perkongsian pengalaman, maklumat dan idea-idea bagi meningkatkan kesedaran kesihatan kepada masyarakat.

KARNIVAL MINI

GAYA HIDUP SIHAT

Tarikh: 12 April 2015
Tempat: SMK Teluk Kumbar 2, Pulau Pinang

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Karnival Mini Gaya Hidup Sihat di SMK Teluk Kumbar 2. Turut bersama ialah Encik Mohamad Iqbal Bin Hamzah, Pegawai Kesihatan Daerah Barat Daya. Dalam majlis tersebut, YBTMK turut menyampaikan peralatan ujian saringan kepada pasukan KOSPEN dan mengharapkan agar peralatan yang diberikan ini memudahkan pasukan KOSPEN melakukan ujian saringan kesihatan di lokaliti masing-masing.

PROGRAM BICARA HATI

Tarikh: 28 April 2015
Tempat: Auditorium Kompleks E, Putrajaya

YBhg. Datuk Farida Mohd Ali telah menghadiri sebuah Program Bicara Hati yang bertajuk "Integritikah Aku" bertempat di Auditorium Kompleks E. Turut hadir ialah YBrs. Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussen, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Ceramah disampaikan oleh Datuk Ustaz Kazim Bin Elias. Program ini mendapat sambutan daripada warga kerja KKM daripada pelbagai jabatan. Program bertujuan untuk memberi semangat dan kekuatan kepada semua warga kerja KKM untuk bekerja dengan ikhlas dan beretika serta berintegriti.

LAWATAN LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN SINGAPURA

Tarikh: 1 April 2015
Tempat: Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPPKM)

En. Zee Yoong Kang, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Promosi Kesihatan Singapura telah bertemu YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan sempena lawatan sambil belajar ke Kementerian Kesihatan Malaysia. Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan Dr. Chong Chee Keong, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit. Lawatan membincangkan isu-isu dan cabaran yang berkaitan kebersihan, gaya hidup sihat serta strategi untuk mengubah budaya dan minda ke arah kesihatan yang lebih baik.

PERSARAAN PEGAWAI-PEGAWAI DI IPKKM BAGI BULAN APRIL 2015

ENCIK AHMAD ZAKHI BIN RAMLI

Jawatan / Tempat	KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN PEGAWAI FARMASI GRED U54 BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI
Tarikh Bersara	13.03.2015 (BERSARA WAJIB)
Anugerah / Pingat	APC 1992 DAN 2002
Tempoh Perkhidmatan	22.05.1985 HINGGA 13.03.2015 29 TAHUN 9 BULAN

PUAN KHAIROM BINTI ABDULLAH

Jawatan / Tempat	PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N22 BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
Tarikh Bersara	25.03.2015 (BERSARA WAJIB)
Anugerah / Pingat	APC 2000 DAN 2006
Tempoh Perkhidmatan	05.07.1976 HINGGA 25.03.2015 38 TAHUN 8 BULAN

PUAN NORAINI BINTI ABD HAMID

Jawatan / Tempat	PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N26 BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN
Tarikh Bersara	01.04.2015 (BERSARA PILIHAN)
Anugerah / Pingat	APC 1989, 1993 DAN 2006
Tempoh Perkhidmatan	02.04.1979 HINGGA 01.04.2015 36 TAHUN

ENCIK MOHAMAD HAL BIN SULAIMAN

Jawatan / Tempat	PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N22 BAHAGIAN KEWANGAN
Tarikh Bersara	01.04.2015 (BERSARA PILIHAN)
Anugerah / Pingat	APC 1995
Tempoh Perkhidmatan	13.05.1982 HINGGA 01.04.2015 32 TAHUN 11 BULAN

PUAN RUSLINA BINTI JUSOH

Jawatan / Tempat	PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N17 BAHAGIAN DASAR DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA
Tarikh Bersara	01.04.2015 (BERSARA PILIHAN)
Anugerah / Pingat	APC 2004
Tempoh Perkhidmatan	28.02.1980 HINGGA 01.04.2015 35 TAHUN 1 BULAN

DR. SHARFUDIN BIN NOORDIN

Jawatan / Tempat	TIMBALAN PENGARAH PEGAWAI PERUBATAN GRED KHAS C BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
Tarikh Bersara	03.04.2015 (BERSARA WAJIB)
Anugerah / Pingat	APC 2013
Tempoh Perkhidmatan	16.11.1984 HINGGA 03.04.2015 30 TAHUN 4 BULAN

PENASIHAT
KETUA SETIAUSAHA
YBhg. Datuk Farida Mohd Ali

KETUA PENGARAH KESIHATAN
YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

TIMBALAN KETUA SETIUSAHA (P)
Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussen

KETUA PENGARANG
Hapsah Binti Mohd Dusa

PENGARANG
Baharudin Bin Mohamad
Mohd Iswandy Bin Wally
Mona Ang

PENYUMBANG ARTIKEL
Pejabat Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan
Unit Komunikasi Korporat